

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan telah membuat keputusan muktamad untuk mengambil semua penjawat-penjawat awam dalam Perkhidmatan Awam Malaysia secara kontrak.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih di peringkat awal mengkaji pelantikan secara kontrak dalam perkhidmatan awam. Kajian ini yang bertujuan untuk mengenal pasti kaedah baharu pelantikan anggota perkhidmatan awam bagi mengurangkan bebanan kewangan, akan mengambil kira segala implikasi terhadap keseluruhan sistem dan struktur perkhidmatan awam.

Kerajaan belum membuat keputusan muktamad untuk mengambil semua penjawat awam dalam Perkhidmatan Awam Malaysia secara kontrak. Kerajaan masih lagi mengkaji dan berusaha mencari jalan terbaik berhubung perkara ini bagi memastikan cadangan tersebut tidak merugikan penjawat awam dan kebajikan penjawat awam tetap terpelihara.